

BAB 1

Latar Belakang

Perkara 152, para 1, Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu menyatakan bahawa Bahasa Kebangsaan adalah bahasa Melayu (BM) dan ditulis dalam bentuk tulisan yang ditentukan oleh Parlimen (Nuwairi Hj. Khazaai, 1991). Sebagai Bahasa Kebangsaan negara baru dan berdaulat, BM telah menjadi bahasa rasmi negara, bahasa pentadbiran, dan bahasa perhubungan umum. Selain itu, peringkat demi peringkat, BM diangkat menjadi bahasa pengantar di sekolah dan institusi pengajian tinggi sejak tahun 1957 (Awang Sariyan, 1984).

Sebagai bahasa pengantar peringkat persekolahan dan institusi pengajian tinggi, BM amat tinggi martabatnya sebagai bahasa ilmu dan bahasa untuk berkomunikasi sama ada secara lisan mahupun penulisan. Justeru, BM pelajar perlu menguasai BM dengan baik. Perihal pentingnya penguasaan BM di kalangan pelajar di peringkat kursus perguruan turut dinyatakan dalam sukanan pelajaran BM kursus-kursus perguruan seperti Kursus Diploma Perguruan Malaysia (1997), Kursus Diploma Perguruan Khas (1997), dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (1995), iaitu bermatlamat supaya dapat melahirkan guru yang :

- menguasai sistem BM yang betul rumus tatabahasa dan gramatis;
- mempunyai keupayaan dan kecekapan berbahasa dalam BM baku dalam komunikasi lisan dan tulisan dengan berkesan dalam pelbagai disiplin ilmu dan situasi;
- menyebatikan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) dalam kemahiran berbahasa;

- menghargai dan mempunyai rasa bangga terhadap BM sebagai bahasa rasmi, bahasa perpaduan, dan bahasa ilmu selaras dengan hasrat Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

Konsep Bahasa Melayu Baku (BMB)

Konsep bahasa baku ada dalam mana-mana bahasa yang sudah mencapai taraf bahasa moden iaitu bahasa yang telah mencapai keupayaan menjadi sarana pemikiran dan ilmu pengetahuan. Menurut Awang Sariyan (1993), untuk konsep baku itu orang menggunakan istilah "standard". Jadi terciptalah istilah bahasa "standard" atau BM standard. Sebenarnya istilah baku itu sudah ada dalam kamus Melayu sejak dahulu lagi. Menurut etimologi atau ilmu tentang asal-usul kata, baku diambil daripada bahasa Jawa. Kamus Dewan (1989) memberi maksud baku sebagai pedoman yang menjadi pokok, yang benar, yang diterima oleh umum sebagai betul dan sah, dan dapat dijadikan asas perbandingan bagi bentuk seperti bahasa, ejaan, dan sebagainya yang lain (berkenaan dengan bahasa). Bahasa "standard" atau baku dapat juga didefinisikan sebagai kelainan bahasa yang diterima oleh semua anggota dalam masyarakat bahasa yang berkenaan dan dijadikan norma atau mempunyai prestij serta dalam hubungan yang tidak bersahaja serta bahasa pengantar pelajaran (Kamaruddin Hj. Husin, 1997).

Asmah Hj. Omar (1978) mengatakan bahasa standard merupakan identifikasi sosial dan pendidikan seseorang. Biasanya bahasa standard merupakan keperluan yang tidak boleh ditiadakan dalam pencapaian taraf sosial dan ekonomi. Di England misalnya, perhatian yang besar ditumpukan kepada penguasaan "Queen's English" yang

merujuk kepada bentuk baku bahasa Inggeris (BI) dan bahasa ini merupakan salah satu kelayakan yang tidak tertulis yang diwajibkan dalam pelamaran pekerjaan. Malahan di sana sekarang telah timbul gerakan untuk memperluas penggunaan "Queen's English" yang mula terabai. (Awang Sariyan, 1993).

Asmah Hj.Omar (1978) dalam tulisannya memetik pendapat Einar Haugen (1966) yang mendefinisikan bahasa standard sebagai kelainan bahasa yang menggambarkan keseragaman dalam bentuk dan fungsi. Keseragaman dalam bentuk ialah bahasa itu sudah dikodifikasikan, dan bahasa standard adalah hasil kodifikasi. Keseragaman dalam fungsi bererti mesti ada sistem-sistem tertentu mengenai rumus-rumus (rules) yang meliputi aspek bentuk dan leksikal (Asmah, 1978).

Payne (1970) menganggap BM sudahpun mempunyai bahasa bakunya sendiri kerana terdapat susuk bahasa yang digunakan di peringkat sekolah yang berdasarkan kepada bahasa pertuturan Johor-Riau. Beliau menyatakan :

"There is one form of speech which is understood by educated through out the country known as Bahasa Sekolah or School Language. This particular form of speech, which based largely on the speech of the people of Johor and Riau archipelago, will be referred to, for convenience as 'standard language'." (hlm. 2).

Abdullah Hassan (1974) juga telah mengaitkan BM baku dengan dialek Johor-Riau yang telahpun digunakan dalam hal pentadbiran, pendidikan dan media penyiaran. Menurutnya:

"Apart from the regional dialects (and all the others languages), there is standard Malay, or the National

Language, or Bahasa Malaysia, as it has been referred to above. This is the variety of Malay used in administration, schools, colleges, radio and television broadcast in Malaysia. The standard Malay has its origin in the Johore (Rhiau) Dialect." (hlm. 3).

Menurut Anwar Ibrahim (1989a) gagasan bahasa baku bukanlah fenomena yang asing dan ganjil, malah suatu yang alamiah dan diperlukan dalam rangka pembinaan tamadun sesuatu bangsa dan umat. Mana-mana bahasa besar di dunia ini memiliki ragam bahasa yang baku sifatnya, di sisi mempertahankan dan mengekalkan kepelbagaian ragam dan dialek. Seterusnya Anwar Ibrahim (1989) menambah adalah menjadi aneh dan ganjil pula halnya apabila ada kalangan anggota masyarakat, khususnya kalangan terpelajar yang tidak menginsafi hakikat sejagat yang sedemikian itu lalu menolak gagasan bahasa baku.

Dalam memperkatakan tentang pembakuan BM , pejuang-pejuang BM telah melibatkan diri secara lansung serta telah berjuang untuk maksud membentuk satu BM baku yang seragam. Keterlibatan secara langsung mereka membuktikan bahawa betapa mereka memberi perhatian serius tentang konsep pembakuan bahasa yang sebenarnya telah pun disuarakan sejak 30 tahun yang lalu apabila Angkatan Sasterawan 50 (ASAS 50) mengemukakan gagasan supaya prinsip sebutan atau fonemik hendaklah berdasarkan kepada ejaan.

Kali pertama gagasan sebutan baku diketengahkan ialah pada tahun 1956, iaitu dalam Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga di Singapura dan Johor Bahru. Asraf yang mewakili ASAS 50 merupakan tokoh terawal yang secara tegas menekankan pentingnya sebutan baku bagi BM dalam konteks daerah BM yang luas. Pandangannya tentang prinsip tersebut terdapat dalam

kertas kerjanya "Bunyi Bahasa Melayu Dalam Ucapan' yang dibentangkan dalam kongres tersebut (Awang Sariyan, 1984).

Asraf (1962) yang menolak penggunaan gaya sebutan Johor-Riau sebagai dasar BMB, menyatakan bahawa loghat Johor-Riau yang dianggap baku tidak boleh dijadikan bahasa umum atau baku pada peringkat nasional. Beliau menjelaskan :

"BM yang ditulis dengan huruf Rumi itu sebenarnya didasarkan pada loghat Riau-Johor juga. . . dan jika diucapkan mengikut gejala baru ini ternyata berbeza daripada loghat Riau- Johor yang sekarang, terutama dalam hal bunyi vokalnya, maka itu dapat membuktikan bahawa loghat daerah atau setempat sudah menyimpang daripada loghat Riau-Johor yang lama yang menjadi asal dan dasar BM bahasa Indonesia sekarang." (hlm.. 136).

Awang Sariyan (1984) memetik pendapat Sutan Takdir Alisjahbana yang ngatakan bahawa pembakuan bahasa bererti usaha-usaha yang dijalankan untuk membentuk satu ukuran atau standard tentang penggunaan bahasa yang betul dalam keadaan wujudnya variasi-variasi sosial dan setempat. Pembakuan BM berlaku pada tiga aspek bahasa, iaitu tatabahasa atau nahunya, ejaannya, dan sebutannya. Sementara itu, beberapa aspek tatabahasa BM yang masih belum baku sedang dibakukan, baik melalui proses sosiologi penggunaannya ataupun melalui proses perancangan bahasa, atau melalui peraturan tatabahasa yang digubal oleh ahli-ahli bahasa (Hassan Ahmad, 1989).

Menurut Awang Sariyan (1988), proses pembakuan BM telah berlaku dalam bidang ejaan, peristilahan, tatabahasa, dan leksikon. Menurut beliau, ketika itu aspek sebutan masih pada tahap konsepsi lagi walaupun sudah muncul golongan yang

berusaha merealisasikannya. Perkara yang menjadi punca isu ialah prinsip sebutan baku yang berdasarkan sistem fonemik atau sebutan berdasarkan ejaan.

Nik Safiah Karim (1989) berpendapat bahawa pembakuan BM ialah usaha yang bertujuan untuk memupuk BM ke arah kesempurnaan iaitu BMB sebagai BM yang seragam, variasi bahasa yang menjadi norma penggunaan BM dalam situasi-situasi rasmi seperti dalam persidangan, mesyuarat, ucapan, taklimat, dalam bilik darjah, berceramah, menyampaikan berita melalui media elektronik, berdebat di Parlimen dan sebagainya seperti juga BI yang mempunyai "Queen's English" atau "B.B.C. English" sebagai bahasa bakunya. Seterusnya beliau menegaskan bahawa BM baku terhad sifatnya, iaitu dalam situasi-situasi rasmi sahaja dan tidak menjelaskan dialek-dialek lain kerana domain penggunaan kedua-dua variasi BM ini saling melengkapi.

Dalam tulisannya yang lain, Awang Sariyan (1989) menyatakan bahawa secara ringkas, bahasa baku ialah satu ragam bahasa yang digunakan untuk tujuan dan keperluan rasmi yang memerlukan ketepatan maklumat dan kecekapan perhubungan. BMB dapat memenuhi ciri tersebut iaitu, bentuk bahasa yang menekankan kerapian, kejelasan, dan ketepatan baik dalam hal susunan, ketepatan makna, pemilihan kata, tatabahasa, dan gaya bahasa. Oleh itu, dalam suasana tidak rasmi, kita tidak dituntut berbahasa baku, malah bebas memilih ragam lain yang sesuai dengan suasana dan kelompok komuniti. Sebenarnya, dialek tidak mungkin hapus oleh adanya ragam baku. Dengan kenyataan itu sekali gus Awang (1989) menyangkal dakwaan sesetengah orang yang mengatakan bahawa BMB telah menafikan kewujudan peranan dialek dan ragam-ragam bahasa yang lain serta BMB telah menyebabkan komunikasi menjadi kaku.

Seterusnya Awang Sariyan (1993) menyatakan :

"Jadi, apabila kita bercakap tentang konsep baku, yang kita tekankan ialah rumus-rumus dasar sesuatu bahasa itu. Bagi BM, rumus-rumus dasar tatabahasanya sudah cukup mantap . . . sudah baku juga dalam hal sistem tulisan . . . BM telah mempunyai kata-kata yang tetap maknanya dan sistematis kaedah pembentukannya dapat diperhatikan pada beberapa banyak kamus BM yang ada . . . sebutan baku baru merupakan salah satu aspek bahasa baku." (hlm. 10).

Sulaiman Masri (1989) mendefinisikan BMB sebagai bahasa yang betul dari segi ejaan, istilah, sebutan, penggunaan kata dan frasa, ayat, singkatan dan akronim, tanda baca, dan laras bahasa. Bagi beliau bahasa baku ialah bahasa yang baik dan betul menurut tatabahasa, dan tepat menurut gaya bahasanya.

Menurut Abdul Hamid Mahmood (1993), beberapa kekeliruan telah timbul antara bahasa baku dengan sebutan baku. Ramai orang yang terkeliru dan menganggap bahasa baku itu adalah sebutan baku. Sebenarnya bahasa baku bukan sahaja ditandai oleh sebutan baku, malah meliputi aspek-aspek kebahasaan yang lain juga, iaitu ejaan, istilah, tatabahasa, dan kosa kata. Apa yang belum baku dan hendak dibakukan atau hendak diseragamkan ialah aspek sebutannya.

Kamaruddin Hj. Husin (1997) berpendapat bahawa BMB ialah bahasa yang betul dari segi ejaan, istilah, sebutan, penggunaan frasa, ayat, singkatan, tanda baca, dan laras bahasa. BMB juga sebagai bahasa yang baik dan betul mengikut tatabahasan dan tepat menurut gaya bahasanya.

Sebagai kesimpulan, apabila membincangkan konsep BMB, sebutan adalah merupakan satu daripada aspeknya. Oleh hal yang demikian, dalam kajian ini, pengkaji

akan menjuruskan kajian hanya kepada aspek sebutan baku sahaja dan mengabaikan aspek-aspek BMB yang lain. Namun demikian, oleh kerana aspek ejaan merupakan aspek yang berkait rapat dengan aspek sebutan, maka pengkaji akan menyentuh aspek ini pada bahagian-bahagian yang tertentu.

Konsep Sebutan Baku Bahasa Melayu (SBBM)

Dalam BM terdapat pelbagai ragam dalam cara menyebut sesuatu perkataan. Ragam-ragam sebutan ini adalah kerana terdapat pelbagai loghat daerah (dialek) dari setempat ke setempat. Asraf (1989) telah mengambil istilah ahli antropologi, Bassil Bernstein (1969) yang membahagikan penggunaan bahasa kepada dua aspek, iaitu bahasa terhad (restricted code) dan bahasa terbina (elaborated code) dan mengaitkannya dengan konteks penutur BM. Beliau berpendapat bahawa variasi bahasa terhad sudah ada pada semua orang sehingga dapat menggunakan BM untuk semua tujuan tidak rasmi, terutama BM jenis basahan dan loghat. Tetapi tidak semua orang menguasai BM terbina yang digunakan dalam domain-domain rasmi dan formal. Pembakuan bahasa ialah usaha pembinaan bahasa terbina iaitu, usaha yang mempunyai matlamat yang panjang, usaha untuk melahirkan BM yang sempurna, terbina, cekap, dan indah.

Untuk menyeragamkan sebutan dalam pengucapan BM di seluruh negara, kita memerlukan suatu bentuk yang diakui sebagai sebutan baku. Rancangan untuk membakukan sebutan BM telah menjadi salah satu objektif Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) seperti yang termaktub dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 yang disemak pada tahun 1978; Pindaan dan Peluasan pada tahun 1995, iaitu untuk

membakukan ejaan dan sebutan serta membentuk istilah-istilah yang sesuai dalam Bahasa Kebangsaan (Ab. Rahman Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt, 1997).

Asmah Hj. Omar (1978) menyatakan pendapatnya bahawa tiap-tiap individu mempunyai hak dan kebebasan untuk melafazkan bunyi-bunyi dalam bahasanya menurut kecenderungannya dalam keadaan tertentu, tetapi amatlah mustahak diadakan satu penyebutan yang standard dalam bahasa radio dan televisyen, dalam pengajaran bahasa, di sekolah dan pengajian-pengajian tinggi dan dalam keadaan formal lainnya. Berdasarkan amalan yang ada, beliau menyatakan bahawa BMB bersifat dwipusat berdasarkan kepada dua kelainan ucapan yang baku.

Pertama ialah berdasarkan Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) yang menggunakan pengucapan yang didasarkan kepada pengucapan di Selatan khususnya Johor - Kuala Lumpur. Beliau mengolongkan pengucapan ini kepada 'kelainan pepet' iaitu mengucapkan fonem /a/ sebagai fonem /e/ pepet dan fonem /r/ disenyapkan pada akhir kata. Berdasarkan situasi tersebut, Asmah Hj Omar (1975) menyimpulkan bahawa BMB merupakan bentuk yang terlahir daripada gabungan ciri-ciri beberapa dialek. Katanya :

"The pronunciation of standard Malay as used by Radio and Television Malaysia seems to be a combination of phonological features of various dialects. Without this amalgamation of dialectal features, the standard language would not have acquired the form that we know today." (hlm.35).

Kedua, ucapan yang digunakan oleh pelajar-pelajar sekolah di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang, Sabah, dan Sarawak yang disebutnya sebagai 'kelainan /a/'. Kelainan /a/ ini menyatakan vokal /a/ sebagai bunyi [a] dan membunyikan bunyi

getaran alveolar [r] pada akhir kata. Beliau menjelaskan bahawa pengucapan 'kelainan /a/' mematuhi ejaan dan tiada pengecualian dalam aturan pengucapan (Asmah Hj. Omar, 1985).

Dalam tulisannya yang lebih awal, Asmah Hj. Omar (1978) menegaskan tentang peri mustahaknya mengadakan satu penyebutan yang standard. Keperluan ini amat terasa jika seseorang itu mengajar BM terutama kepada orang-orang bukan Melayu. Orang itu perlu memilih cara penyebutan yang mana yang harus digunakan. Bagi Asmah (1978) kodifikasi penyebutan perlu dilaksanakan dalam konteks seluruh masyarakat pemakai BM, tegasnya Malaysia dan Indonesia. Berdasarkan kenyataan itu, Asmah (1978) cenderung menerima 'kelainan /a/' dan mengekalkan bunyi getaran alveolar [r] pada akhir kata sebagai BMB. Antara katanya :

"Bukanlah maksud saya hendak mengindonesiakan Malaysia, tetapi adalah merupakan satu kemunduran bagi kita jika kita mengambil keputusan untuk kembali kepada dialek-dialek dalam usaha mencapai kata sepakat dalam penyebutan bersama." (hlm. 133).

Tahun 1984 telah menjadi titik tolak yang bersejarah dalam hal pembakuan SBBM. Ada tiga peristiwa penting yang telah berlaku tentang SBBM dalam tahun tersebut. Idea penggunaan sebutan baku mula tercetus pada awal tahun tersebut. Menteri Penerangan Malaysia ketika itu, iaitu Datuk Sri Adib Adam telah mengumumkan bahawa siaran RTM sebagai media rasmi pemerintah akan melaksanakan penggunaan sebutan baku (Awang Sariyan, 1995). Malangnya, pengumuman itu telah mengejutkan sesetengah pihak yang kurang senang dengan idea tersebut dan mereka telah menimbulkan pelbagai reaksi. Akhirnya idea itu terhenti begitu sahaja (Awang Sariyan, 1995).

Menurut Awang Sariyan (1995) lagi, bertitik tolak daripada pengumuman tersebut, terbukalah ruang kepada beberapa pertubuhan yang memperjuangkan bahasa dan sastera untuk terus menggerakkan idea penggunaan SBBM. Empat buah badan bahasa, sastera dan pendidikan tanah air, iaitu Gabungan Penulis Nasional (GAPENA), Persatuan Linguistik Malaysia (PLM), Persatuan Suluh Budiman (PSB), dan Persatuan Penulis Nasional (PENA) telah menyampaikan memorandum sokongan kepada Datuk Sri Adib Adam.

PLM dengan kerjasama DBP telah menganjurkan Bengkel Teori Sebutan Baku dan Sistem Ejaan Rumi pada bulan November 1984. Peserta-peserta bengkel telah berjaya merumuskan dasar SBBM yang berasaskan prinsip fonemik. Pada bulan Disember 1984, berlangsung pula Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Keempat. Satu daripada keputusan-keputusan yang telah dicapai oleh peserta-peserta kongres ialah penerimaan aspek sebutan baku yang berdasarkan prinsip fonemik. Sejak daripada tahun itulah pertubuhan-pertubuhan tersebut terus menerus mempropagandakan penggunaan sebutan baku, khususnya oleh PLM (Awang Sariyan, 1995).

Apabila Kementerian Pendidikan Malaysia menggubal Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) untuk menggantikan Kurikulum Sekolah Menengah yang ada pada ketika itu, sebutan baku mendapat tempat yang penting dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu. Asraf (1989) menyatakan bahawa dengan penekanan yang diberikan oleh Kementerian Pendidikan sempena pelancaran KBSM, terutama yang berkaitan dengan sebutan baku, perhatian orang ramai telah tertumpu terhadap aspek ini. Menteri Pendidikan pada ketika itu, iaitu Y.B. Sdr. Anwar Ibrahim dalam beberapa

banyak pernyataannya telah menegaskan bahawa pihak Kementerian Pendidikan akan melaksanakan penggunaan sebutan baku dalam KBSM bermula pada tahun 1988 (Awang Sariyan, 1995). Menurut Anwar Ibrahim (1989b) pembakuan BM perlu kerana BM merupakan bahasa rasmi, sebagai bahasa ilmu dan bahasa komunikasi di negara ini. Penggunaan BM yang betul bukan sahaja merangkumi tatabahasanya tetapi juga dari segi sebutan serta kaedah penggunaannya. Perkara utama dalam pelaksanaan sebutan baku ialah menyeragamkan sebutan berdasarkan ejaan. Pengumuman beliau itu dengan sendirinya telah menggerakkan seluruh jentera di Kementerian Pendidikan ke arah pelaksanaan sebutan baku di sekolah (Sanat, Abdullah, dan Hj. Taha, 1989).

Menurut Awang Sariyan (1995), Pusat Perkembangan Kurikulum (PKK) semasa menjalankan Kursus Pendedahan KBSM dan Peningkatan BM untuk Kakitangan Sumber BM, telah mengambil kesempatan mendedahkan SBBM dengan bantuan PLM kepada para peserta. Sementara itu, PLM pula melalui siri Seminar Bahasa Baku yang dikendalikan oleh DBP, mengembangkan konsep dan pelaksanaan SBBM kepada pegawai-pegawai pendidikan dan guru-guru di hampir setiap negeri di Malaysia. Selain itu, sebagai menyokong segala usaha pembinaan BM, PLM mengeluarkan kumpulan beberapa makalah, dengan harapan bahawa huraihan, penjelasan, dan hasrat yang terdapat di dalamnya akan membantu meyakinkan masyarakat tentang pentingnya usaha pembakuan bahasa ini. Para penulis yang merupakan pejuang-pejuang bahasa yang gigih, telah berusaha menggambarkan latar belakang kegemilangan BM sejak dahulu lagi, potensinya untuk masa hadapan, dan betapa wajarnya usaha-usaha pembakuan dilaksanakan (Asraf, 1989).

Nik Safiah (1989) menyatakan ada empat fungsi utama BM. Pertama, BM sebagai bahasa kebangsaan yang melambangkan kedaulatan negara. Kedua, dalam Dasar Pendidikan Negara BM sebagai bahasa pengantar di sekolah dan institusi pengajian tinggi merupakan alat untuk menyatupadukan rakyat yang berbilang kaum. Ketiga, BM sebagai bahasa pentadbiran negara dan alat perhubungan rakyat jelata. Keempat, BM sebagai bahasa ilmu pengetahuan berfungsi sebagai saluran untuk menyampaikan ilmu pengetahuan dan sekali gus menjadi asas pembinaan tamadun yang tinggi. Tegas beliau lagi, untuk mencapai keempat-empat matlamat tersebut, perlu ditekankan tiga aspek penggunaan bahasa. Pertama, penggunaan yang baik, mudah, dan praktikal. Kedua, penggunaan bahasa yang berkesan, tepat, jelas, dan mampu menyampaikan maksud dan ketiga, penggunaan bahasa yang indah sebagai alat pengucapan seni dan penampung nilai-nilai estetik yang tinggi.

Menurut Awang Sariyan (1995), untuk merealisasikan penggunaan SBBM di sekolah, Kementerian Pendidikan, PLM dan DBP telah mengadakan Mesyuarat Pelaksanaan Sebutan Baku. Ketiga-tiga pihak telah mencapai kata sepakat bahawa mereka perlu menyusun sebuah pedoman SBBM yang lebih mudah dan terperinci untuk menjadi panduan guru-guru. Akhirnya pada 26 Februari 1988, PLM telah mengadakan mesyuarat dengan DBP untuk mengubahsuaikan dan mengemaskinikan Kertas Pedoman Umum Sebutan Baku yang telah pun direstui oleh Menteri Pendidikan sebelum itu (Awang Sariyan, 1995). Pada 2 April 1988, Bahagian Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan arahan penggunaan SBBM melalui Pekeliling Ikhtisas Bilangan 11/1988 dalam surat Bilangan KB(BS)8591/Jld.111/(14) kepada semua sektor pendidikan (Bahagian Sekolah,

Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Antara aktiviti yang disarankan dalam pekeliling tersebut untuk memperkuuh dan pengayaan SBBM ialah penggunaan SBBM dalam :

- semua perhimpunan atau rapat umum yang diadakan di sekolah;
- semua jenis mesyuarat yang dikendalikan di sekolah;
- gerak kerja kokurikulum;
- semua jenis arahan melalui pembesar suara sekolah;
- semua pertandingan yang berbentuk lisan;
- siri mendeklamasi sajak, bacaan cebisan cerita, dan contoh-contoh pidato.

Nik Safiah (1989) berpendapat untuk membina perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum melalui satu bahasa tidak dapat dicapai tanpa BMB di sekolah kerana bentuk BM yang tidak baku akan menghasilkan golongan penutur yang menggunakan bahasa itu mengikut sesuka hati dan seterusnya menimbulkan rasa kurang yakin terhadap BM. Di samping itu, BM yang tidak baku juga akan memberikan gambaran ketidakmampuan BM berfungsi sebagai bahasa ilmu pengetahuan moden kerana seolah-olah BM tidak mempunyai bentuk yang sempurna. Dengan demikian, beliau menegaskan bahawa demi kejayaan Dasar Bahasa Kebangsaan dan Dasar Pendidikan Negara, harus diwujudkan sejenis BM seragam atau baku. Untuk itu, tempat yang paling sesuai bagi memulakan langkah ini ialah dari bangku sekolah, di kalangan murid-murid yang masih dapat dilentur, yang merupakan bakal pemimpin, dan pengguna utama bahasa tersebut.

Pernyataan Masalah

Menurut Abdul Rashid Ali (1996), daripada Laporan Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) 1990 (Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Malaysia, 1990), di dapati bahawa murid-murid mencapai keputusan rendah dalam penguasaan lisan. Keadaan ini lebih menonjol lagi di kalangan murid-murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil. Keputusan juga menunjukkan murid-murid Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Kebangsaan juga menghadapi masalah yang sama.

Kementerian Pendidikan Malaysia (1990) telah melaporkan bahawa ada sebilangan guru mata pelajaran yang tidak mahir menggunakan laras bahasa seperti sebutan, struktur, istilah dan sebagainya dalam pengajaran dan pemelajaran kerana mereka terlalu mementingkan fakta-fakta yang terdapat isi kandungan mata-mata pelajaran sahaja. Abdullah Hassan (1993) pula menyatakan bahawa terdapat semakin ramai guru bukan Melayu yang mengajar BM dan kurangnya guru bahasa yang terlatih yang menyebabkan ramai guru yang mengajar mata pelajaran BM tidak mempunyai latihan akademik dalam linguistik Melayu. Berhubung dengan perkara ini, Abdul Hamid Mahmood (1993) pernah meluahkan rasa bimbangnya tentang masalah ini, katanya :

"Yang membimbangkan ialah sejauh manakah guru-guru yang akan melaksanakan sukanan pelajaran yang dirancang begitu baik telah dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan bahasa, iaitu mengenai selok-belok BM, ilmu pengetahuan mengenai pengajaran bahasa, khususnya pengajaran BM sebagai bahasa pertama . . . berapa ramaikah guru-guru kita yang sedang mengajar BM di sekolah-sekolah menengah atas pada hari ini

sudah kita bekalkan dengan ilmu pengetahuan yang lengkap mengenai selok-belok BM?. Berapa ramaikah . . . telah menjalani kursus ilmu Linguistik BM dan ilmu pengajaran BM, khususnya pengajaran BM sebagai bahasa pertama?." (hlm. 22).

Berdasarkan perancangan Kementerian Pendidikan Malaysia, untuk melaksanakan program menggunakan sebutan baku dengan berkesan di semua sektor, pihak kementerian telah mengarahkan semua Jabatan Pendidikan Negeri supaya mengadakan kursus pendedahan terhadap Sistem SBBM kepada semua guru. Kursus-kursus tersebut diadakan di peringkat negeri serta daerah yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai yang telah dilatih khas. Ketua-ketua panitia atau kakitangan sumber dikehendaki pula mengadakan Kursus Sebutan Baku di sekolah masing-masing (Mat Yusoff Che Mat, 1995).

Tujuan Kajian

Pengkaji ingin melakukan kajian ini untuk mengetahui sejauh mana guru-guru pelatih di sebuah maktab perguruan menggunakan SBBM dalam pemelajaran mereka. Sekiranya mereka memandang ringan penggunaan SBBM dalam situasi formal, bermakna bakal-bakal guru itu telah mengabaikan satu daripada aspek-aspek utama dalam perancangan BMB, iaitu aspek untuk menyeragamkan sebutan. Dalam situasi biasa, kita bebas menggunakan variasi BM tetapi dalam situasi rasmi atau formal, sebutan baku hendaklah diterapkan (Mat Yusoff Che Mat, 1995).

Seterusnya pengkaji ingin menyiasat bentuk-bentuk kesilapan penyebutan SBBM yang sering guru-guru pelatih lakukan ketika melafazkan BM serta ingin mengetahui tentang sikap mereka terhadap penggunaan SBBM dalam pemelajaran

Bahasa Melayu. Sebagai bakal guru, mereka perlu memiliki sikap positif dalam hal menggunakan SBBM kerana ini akan dapat mengelakkan daripada berlakunya banyak kekacauan dan penyalahgunaan bahasa, khususnya dalam aspek sebutan (Ab. Rahman Ab. Rashid dan Yap Kim Fatt, 1997).

Selain itu, pengkaji juga ingin mengetahui bentuk-bentuk halangan dan masalah yang mungkin menyebabkan mereka mengambil mudah atau mengabaikan penggunaan SBBM dalam pemelajaran mereka. Di samping itu, sumber SBBM juga menjadi perkara penting dalam kajian ini. Selain daripada tenaga pengajar di maktab itu sendiri, pengkaji ingin melihat punca atau sumber-sumber lain yang boleh digunakan atau dicontohi oleh guru-guru pelatih ketika menggunakan SBBM. Pada akhir kajian pengkaji ingin membuat cadangan-cadangan supaya SBBM dapat digunakan secara menyeluruh pada semua sektor pendidikan.

Rasional Kajian

Dalam Sukatan Pelajaran Kursus-kursus Perguruan Malaysia seperti Kursus Diploma Perguruan Malaysia Pengkhususan Pengajian Melayu (1997), Kursus Diploma Perguruan Malaysia Bahasa Melayu Komunikasi (1997) untuk mata-mata pelajaran yang bukan pengkhususan Pengajian Melayu, Kursus Diploma Perguruan Khas (1997), dan Kursus Perguruan Lepas Ijazah (1995), secara keseluruhannya mementingkan pengajaran penggunaan SBBM dalam pemelajaran mata pelajaran BM sama ada sebagai mata pelajaran pengkhususan mahupun sebagai mata pelajaran teras seperti Bahasa Melayu Komunikasi (Dinamika Guru) atau Bahasa Melayu Kini.

Aktiviti-aktiviti yang menggunakan SBBM terdapat dalam

kemahiran-kemahiran berbahasa seperti kemahiran bertutur atau lisan iaitu aktiviti berbincang, berdialog, berbahas, berlakon, bersyarah, berucap, bermesyuarat, membuat pengumuman, melapor, kuiz dan berpuisi; kemahiran membaca (kuat/nyaring); dan kemahiran menganalisis kesilapan (lisan dan bacaan). Matlamat utama pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini adalah supaya bakal guru dapat menguasai keupayaan dan kecekapan menggunakan BMB sebagai bahasa komunikasi dan bahasa ilmu dalam pelbagai situasi dengan berkesan secara lisan dan tulisan.

Oleh hal yang demikian, kajian ini akan memberi makna dalam pelaksanaan pemelajaran SBBM di peringkat kursus perguruan di maktab kerana setelah mereka menamatkan kursus perguruan di maktab, mereka akan bertemu dengan para pelajar untuk menjalankan tugas sebagai guru yang mempunyai kemampuan yang cukup khususnya dalam penggunaan BMB. Sebagai guru mereka akan menjadi model kepada pelajar. Kemampuan guru menggunakan SBBM akan membolehkan pelajar mencontohi mereka. Sekolah adalah tempat yang penting dalam menjayakan matlamat ini kerana sekolahlah yang bakal melahirkan pemimpin generasi akan datang. Jika sekolah memainkan peranannya sehingga melahirkan murid-murid yang dapat bertutur dalam bahasa baku dengan baik maka mereka ini akan membesar dengan penggunaan sebutan baku dan terhasilah satu golongan penutur BMB yang seragam (Nik Safiah Karim, 1988). Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa baku amat perlu bagi mencerminkan satu identiti masyarakat Malaysia secara keseluruhannya (Mat Yusoff Che Mat, 1995).

Kerangka Teori

Dalam membincangkan aspek sebutan baku, ada beberapa faktor yang menyebabkan kesalahan penggunaan atau penyebutannya. Antaranya:

Akibat pengaruh bahasa pinjaman khususnya bahasa Inggeris

Menurut Sulaiman Masri (1989) tidak dinafikan pelbagai bahasa telah mempengaruhi BM, terutamanya BI. Hal ini terjadi kerana sifat terbuka BM dalam menyerap dan meminjam perkataan serta aspek kebahasaan bahasa-bahasa asing. Penyerapan atau peminjaman ini berlaku melalui sistem pendidikan dan perhubungan. Dari segi bahasa, banyak aspek kebahasaan BI yang diserap atau terbawa-bawa oleh penutur BM. Oleh itu banyak kosa kata yang dibunyikan atau disebut oleh penutur dalam BM tetapi penyebutannya dalam telor BI. Hal ini demikian kerana banyak orang yang mempunyai kebolehan dwibahasa iaitu berkemampuan bertutur dalam BM dan BI. Kemampuan sedemikian menyebabkan ada di antara mereka mencampuradukkan BM dengan BI dalam pertuturan mereka.

Pengaruh dialek penutur

Seperti yang kita sedia maklum, daripada nama negeri-negeri di Malaysia, timbul pula dialek-dialek yang sebenarnya adalah variasi daripada BM. Dialek-dialek tersebut telah memperlihat ketidakseragaman daripada segi sebutan, intonasi mahupun suku katanya. Penutur-penutur berketurunan bukan bumiputera pula, dalam pertuturan mereka masih terdapat pelat atau telor bahasa-bahasa ibunda mereka apabila bertutur dalam BM (Abdul Hamid Mahmood, 1993). Keadaan yang sedemikian pasti akan mempengaruhi penggunaan SBBM mereka. Cara pengungkapan dalam BM terasa

janggal, akibat pengaruh ciri-ciri BM yang ganjil, yang tidak mencerminkan kelincahan dan kekuatan BM yang asli (Nik Safiah, 1989).

James Collins (1986) pernah menyebut dialek merupakan ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam yang lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata, dan tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat di dalam daerah geografi tertentu dan di dalam suasana sosial tertentu. Dialek bersifat kedaerahan dan berubah daripada bahasa baku sama ada sebutan, tatabahasa, mahupun kata tertentu.

Hal yang demikian, dialek-dialek BM menyebabkan BM menjadi begitu rancu atau kacau oleh penggunanya sendiri. Maka perlulah satu bentuk bahasa yang dapat diterima, digunakan, dan difahami oleh semua orang tidak kira mereka orang yang menuturkan BM sebagai bahasa pertama atau BM sebagai bahasa kedua. Menyentuh tentang pemilihan satu bentuk bahasa yang dapat diterima ramai, Huges dan Trudgill (1979) menegaskan :

"Received pronunciation is not the accent of any region." (hlm: 12).

Berdasarkan kepada dua sebab tersebut, maka penggunaan SBBM secara meluas dan tegas adalah perlu untuk menyeragamkan sebutan BM supaya boleh difahami dan digunakan oleh semua orang. Oeh itu, satu dasar yang kukuh perlu digunakan oleh perancangnya supaya di samping dapat menunjukkan kemampuannya, juga dapat meyakinkan pengguna tentang kepentingannya dalam berkomunikasi.

Dasar SBBM ialah sebutan mengikut prinsip fonemik atau sebutan yang berdasarkan ejaan. K.L.Pike (1965) dalam bukunya "Phonemic" , berkata :

"Everything is spelled as it is pronounced

and pronounced as it is spelled. There are no silent letters, nor series of words like cough, hiccough, through where the same letters represent different sounds." (hal. 57)

Dasar inilah yang dipertegas oleh Asraf (1989) dalam tulisannya yang membincangkan penggunaan SBBM yang menghendaki pengguna BM menggunakan rumusan seperti yang diberikan oleh K.L. Pike, iaitu sesuatu kata hendaklah dieja sebagaimana yang diucapkan oleh penutur dan diucapkan sebagaimana yang dieja dan tidak ada huruf yang senyap (Awang Sariyan, 1995; Mat Yusoff Che Mat, 1995).

Sebutan berdasarkan ejaan atau fonemik menegaskan bahawa pengucapan sesuatu bunyi hendaklah menurut nilai bunyi yang dilambangkan oleh huruf atau grafem. Prinsip ini berdasarkan hakikat bahawa hampir setiap fonem dalam BM dilambangkan oleh sesuatu grafem yang tertentu. Demikianlah juga sebaliknya, satu grafem dalam BM pada umumnya mendukung satu nilai bunyi yang tertentu.

Soalan-soalan Kajian

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan yang berikut:

- (i) Apakah bentuk-bentuk kesilapan penyebutan SBBM yang sering dilakukan oleh guru-guru pelatih dalam penggunaan BM mereka?
- (ii) Bagaimanakah sikap guru-guru pelatih terhadap pelaksanaan penggunaan SBBM di peringkat maktab?
- (iii) Apakah halangan-halangan yang menyebabkan wujudnya masalah menggunakan SBBM di kalangan guru pelatih?

- (iv) Apakah sumber-sumber yang boleh dicontohi oleh guru pelatih untuk mempraktikkan penggunaan SBBM?

Kepentingan Kajian

Pada tahun 1988 KBSM telah digubal oleh Kementerian Pendidikan. Ekoran daripada itu, Menteri Pendidikan pada waktu itu telah menegaskan bahawa Kementerian Pendidikan akan melaksanakan sebutan baku dalam KBSM (Awang Sriyan, 1995). Bertitik tolak daripada penegasan itulah, Kementerian Pendidikan telah menggerakkan jentera di peringkat kementerian dengan kerjasama PLM, dan DBP ke arah pelaksanaan sebutan baku di sekolah-sekolah (Awang Sriyan, 1995).

Oleh sebab itulah, kajian ini penting kepada bakal guru supaya mereka mengetahui tentang kepentingan SBBM dalam pengajaran dan pemelajaran, dalam bilik darjah dan dalam situasi-situasi rasmi yang lain. Mereka juga dapat mengetahui dan seterusnya memperbaiki kelemahan-kelemahan SBBM yang mereka hadapi.

Kajian ini juga penting kepada para pensyarah di maktab perguruan untuk mereka merancang bentuk dan kaedah pengajaran SBBM yang sesuai dan menarik supaya guru-guru pelatih mahir dan yakin menggunakanannya. Selain itu, kajian ini juga akan dapat membantu para pensyarah memahami kepentingan SBBM dalam pengajaran dan pemelajaran di peringkat maktab khususnya dan di peringkat sekolah amnya.

Kajian ini juga akan memberikan manfaat kepada pihak penggubal dasar di Kementerian Pendidikan. Mereka perlu sedar sejauh mana dasar, arahan, dan kehendak kementerian dapat dilaksanakan oleh pelaksana di peringkat maktab

perguruan dan masalah-masalah yang timbul

Batasan Kajian

Pengkaji membataskan kajian ini kepada sebuah maktab di Kuala Lumpur. Guru pelatih (peserta) yang terlibat dalam kajian ini ialah guru pelatih Tahun 1997 yang sekarang berada dalam semester kedua pengajian. Seramai empat orang peserta (2 lelaki dan 2 perempuan) terlibat dalam kajian ini. Pemilihan peserta kajian dibuat secara rawak. Namun demikian pemilihan peserta banyak bergantung kepada saranan pensyarah yang mengajar mereka. Pemilihan berdasarkan saranan pensyarah penting kerana pengkaji memerlukan peserta kajian yang dapat memberikan maklumat-maklumat yang hendak dikaji. Peserta kajian yang dipilih merupakan guru pelatih yang aktif di dalam dan di luar kelas seperti berpersatuan, sedia berdepan dengan khalayak, dan petah berbahasa.

Memandangkan keseluruhan kajian bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang dimaksudkan dalam konteks pembelajaran, maka kajian yang jalankan adalah mengikut situasi kelas yang sebenarnya tanpa campur tangan pengkaji. Oleh hal yang demikian, segala perlakuan peserta dalam penggunaan SBBM adalah ekoran daripada persediaan dan perancangan pensyarah yang mengajar BM berkenaan.

Kajian ini berkisar pada penggunaan SBBM sahaja iaitu dalam aktiviti lisan dan bacaan bagi situasi dalam bilik kuliah ketika mereka menghadapi pembelajaran BM seperti aktiviti menyoal, memberikan jawapan, menyampaikan idea, pembentangan, berbincang, berbahas, dan membaca kuat. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengabaikan aspek-aspek BMB yang lain seperti ejaan, tatabahasa, kosa kata, dan

istilah walaupun terdapat kesilapan yang ketara dilakukan oleh peserta kajian.